

## **Pengenalan Program Tebatan Banjir**

Sejak mencapai kemerdekaan, Malaysia terus membangun dengan pesat dengan melaksanakan pelbagai program utama dalam sector pertanian, infrastruktur, industri dan komersial. Dalam menghadapi masalah banjir yang terjadi samada secara semulajadi atau akibat pembangunan yang tidak terancang, maka program tebatan banjir telah dirancang dan dilaksanakan dengan lebih pantas.

Bagi mempercepatkan pencapaian sasaran untuk mengurangkan kawasan yang berekonomi yang sering dilanda banjir kepada 50% di seluruh negara, pihak Kerajaan telah meluluskan peruntukan untuk Program Tebatan Banjir sehingga jumlah RM 2.7 billion dalam Rancangan Malaysia ke Lapan (RM 8). Ini merupakan RM 1,128 juta lebih daripada jumlah peruntukan keseluruhan Rancangan Malaysia Pertama hingga Rancangan Malaysia ke Tujuh.


Perlaksanaan program tebatan banjir telah menunjukkan hasil yang memuaskan dan telah berjaya mengurangkan masalah banjir di beberapa tempat. Contohnya, Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Bandar Seremban telah berjaya mengurangkan kawasan yang dilanda banjir daripada 28 kawasan kepada 10 kawasan. Sementara RTB Lembah Klang, sebanyak 31 kawasan telah di pulihkan dari banjir dari 54 kawasan keseluruhan.

Berdasarkan kajian yang dilakukan pada tahun 2003 oleh Bahagian Saliran dan Tebatan Banjir , jika program tebatan banjir tidak dilaksanakan di dapati jumlah kemasuhan akibat banjir akan meningkat kepada RM1,356 juta jika dibandingkan dengan RM 915 juta dengan adanya program tebatan banjir dilaksanakan. Oleh itu, di dapati dengan perlaksanaan program tebatan banjir, sejumlah RM 441 juta telah dapat diselamatkan.

## Perbelanjaan Mengatasi Banjir Melalui Program-Program Tebatan Banjir

Program Rancangan Tebatan Banjir telah dilaksanakan secara menyeluruh bermula selepas negara mengalami banjir besar pada tahun 1971. Pelbagai projek tebatan banjir utama di kawasan perbandaran dilaksanakan. Sehingga hari ini, sebanyak 8 Rancangan Malaysia telah diperkenalkan dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM 4.4 billion telah dibelanjakan.

### Peruntukan Projek Tebatan Banjir (RMK-2 Hingga RMK-8)



Carta 1 : Carta menunjukkan peruntukan yang diadakan dari RMK-2 hingga RMK-8

Dalam Rancangan Malaysia Ke Dua (1971–1975) sebanyak RM14 juta telah dibelanjakan untuk projek berkaitan tebatan banjir; dalam Rancangan Malaysia Ke Tiga (1976–1980) sebanyak RM56 juta; dalam Rancangan Malaysia Ke Empat (1981–1985) sebanyak RM141 juta; dalam Rancangan Malaysia Ke Lima (1986–1990) sebanyak RM155 juta; dalam Rancangan Malaysia Ke Enam (1991–1995)

sebanyak RM431 juta; dalam Rancangan Malaysia Ke Tujuh (1996–2000) sebanyak RM845 juta dan dalam Rancangan Malaysia Ke Lapan (2001–2005) sejumlah RM2.7 billion diperuntukkan. Dianggarkan kos pembaikan sungai dan kerja tebatan banjir dalam masa 15 tahun akan datang menelan akan belanja sebanyak RM19 billion .

### Langkah-Langkah Mengawal Banjir

Berikutan banjir besar yang melanda seluruh negara pada tahun 1971, Kerajaan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah mengambil beberapa langkah positif untuk mengatasi masalah banjir. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut :-

- a. Menubuhkan Suruhanjaya Tetap Mengawal Banjir
- b. Menubuhkan Mekanisma Bantuan Bencana Banjir
- c. Menjalankan kajian lembangan sungai dan menyediakan “drainage master plans” untuk bandar-bandar utama
- d. Perlaksanaan kaedah struktur (structural measures)
- e. Perlaksanaan kaedah bukan struktur (non-structural measures)
- f. Mewujudkan sistem ramalan dan amaran banjir.
- g. Mewujudkan jaringan stesen pengumpulan data hidrologi dan banjir.

Di dalam usaha untuk mengatasi masalah banjir yang lebih berkesan, Manual Saliran Mesra Alam (MASMA) telah diperkenalkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia pada tahun 2000 untuk diguna pakai oleh semua agensi kerajaan dan swasta. Manual ini diperkenalkan untuk menggantikan “Prosedur No.1 (1975) Perancangan dan Rekabentuk” dan “Anggaran Rekabentuk Hujan

Ribut di Semenanjung Malaysia (1973)" yang telah diguna pakai hampir 25 tahun.




Kawasan yang di kenal pasti untuk pembinaan tebatan banjir


(CONTOH KEJAYAAN PROGRAM TEBATAN BANJIR (TAMAN SRI MUDA SHAH ALAM)



Kerja-kerja pembinaan tebatan banjir sedang dijalankan



Gambarajah keadaan Taman Sri Muda sebelum pembinaan tebatan banjir



Gambarajah keadaan Taman Sri Muda selepas pembinaan tebatan banjir